

15 JAN 1998

DR MAHATHIR BERJUMPA SUHARTO SABTU INI

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui Presiden Suharto semasa lawatan kerja sehari ke Indonesia Sabtu ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra, tujuan lawatan Dr Mahathir itu adalah untuk bertukar-tukar pendapat dengan Suharto mengenai keadaan terbaru ekonomi dan kewangan yang menjejaskan rantau ini.

Menurut kenyataan itu, kali terakhir kedua-dua pemimpin itu bertemu adalah semasa Mesyuarat Kumpulan 15 di sini Oktober lepas.

Dr Mahathir dijangka pulang ke tanahair sejurus selepas pertemuannya dengan Suharto.

Sebelum ini Dr Mahathir memberitahu persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara di sini bahawa beliau ingin menemui Suharto dan berbincang dengannya "kerana kita berjiran".

Suharto telah berunding dengan para pemimpin beberapa negara sejak seminggu lepas berhubung masalah Indonesia ekoran krisis kewangan dan ekonomi di Asia.

Suharto dan pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus menandatangani satu memorandum di Jakarta Khamis untuk mempercepatkan proses reformasi. -- BERNAMA

ES AKD